

Newspaper

Berita Harian

Date

27 March 2016

# Tindakan Dr M menjengkelkan

*Tingkah laku buka pekung, undang kebencian ahli UMNO*

Tindakan terbaharu Tun Dr Mahathir Mohamad yang disertai dua pihak lagi memfailkan saman terhadap Datuk Seri Najib Razak Selasa lalu untuk memohon mahkamah mengisytiharkan Perdana Menteri kononnya sudah melakukan salah laku dalam pentadbirannya, dilihat begitu menjengkelkan. Ini sesuatu yang tidak pernah kita fikirkan, apatah lagi tindakan ini datang daripada bekas Presiden UMNO yang pernah menjawat jawatan Perdana Menteri selama 22 tahun.

Sebagai ahli UMNO bersama 3.5 juta anggotanya yang merupakan parti pemerintah tonggak Barisan Nasional (BN) dan diberi mandat oleh rakyat dalam 13 kali pilihan raya umum, amat terkejut dan tidak menjangka perkara ini boleh berlaku dalam sejarah UMNO. Namun, apabila kita susur kembali sejarah dan peribadi Dr Mahathir bermula dari zaman Tunku Abdul Rahman hingga era Najib, jelas tiada yang mustahil baginya.

Perjalanan politik beliau penuh warnawarni dan sehingga bersara dari jawatan Perdana Menteri pun, beliau masih ingin campur tangan dalam pentadbiran negara dengan masih ingin menunjuk belang dan taring. Dengan tindakan terbaharunya jelaslah bahawa beliau adalah 'tok dalang' dalam menyusun atur perjalanan cerita untuk menghiburkan penonton.

Dr Mahathir begitu terdesak untuk membandingkan seorang Perdana Menteri yang sudah membekalkan bilangan wakil rakyat terbesar dalam Dewan Rakyat, meyakinkan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong bahawa beliau mengetuai parti yang memiliki majoriti di Parlimen dan mengetuai Kabinet sebagai pusat kuasa eksekutif negara.

## Buka pekung sendiri

Tindak-tanduk dan percubaan licik Dr Mahathir mengocak dan membuat kacau terhadap pentadbiran Najib membuka 'pekung' yang selama ini disembunyikannya bahawa benarnya beliau gemar bergaduh dengan semua Perdana Menteri dan timbalannya sebelum ini.

Dengan Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn, hubungan Dr Mahathir dengan kedua-duanya tidak pernah harmoni dan aman. Apabila beliau memilih Abdullah atau Pak Lah untuk menggantikannya, Pak Lah juga diganggunya. Kemudian, nama Najib dicadangkan dan diterimanya, namun tidak lama selepas itu, Perdana Menteri pula dikacanya. Ini belum termasuk pesaingnya, Tengku Razaleigh Hamzah, dua timbalannya, Tun Musa Hitam dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kalau hendak diimbaz kisah lalu, Dr Mahathir sebenarnya bernasib baik kerana diangkat terus oleh bapa Najib, Tun

Abdul Razak dan Tun Hussein ke kedudukan yang tinggi daripada seorang ahli biasa kepada Timbalan Perdana Menteri dalam masa empat tahun sahaja. Sepatutnya, Tun Ghafar Baba yang lebih layak dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1976 di sisi Tun Hussein kerana mengikut undian Naib Presiden, Ghafar Baba mendapat undi paling tinggi, kedudukan kedua adalah Tengku Razaleigh dan ketiga barulah Mahathir.

Dalam pada itu, konflik dalaman pada zaman Tun Hussein menjadi Perdana Menteri tidak diketahui ramai. Sebenarnya Tun Hussein bukan berundur kerana faktor kesihatan, namun kerana tekanan kuat diberikan Dr Mahathir.

## Dalang kepada banyak pihak

Hari ini pula Dr Mahathir kembali memainkan peranan sebagai *puppet master* kepada banyak pihak. Ramai yang terjebak dalam skrip karangan beliau, bermula dari isu pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), 1MDB, isu sumbangan derma, menyokong himpunan kuning, membuat *road tour* ceramah, menggunakan Tan Sri Muhyiddin Yassin, keluar UMNO, deklarasinya dengan Lim Kit Siang dan terbaharu, menyaman presiden parti. Selepas ini, apa lagi akal Dr Mahathir agaknya? Mari kita lihat.

Dalam kemelut yang dicituskan Dr Mahathir dalam usianya menjangkau 91 tahun ini, rakyat sebaliknya menyaksikan prinsip berhemah Najib yang walaupun ditohmah dan difitnah dari kiri dan kanan, depan dan belakang, beliau masih menunjukkan sifat politik yang matang.

Beliau terus bekerja keras untuk rakyat dan negara dan tidak pernah menoleh ke belakang apa lagi mengalah dengan segala tohmahan, fitnah dan strategi terancang daripada Dr Mahathir mahupun pembangkang.

Beliau masih tersenyum dan melangkah ke hadapan, sehingga menimbulkan simpati kepada pimpinan akar umbi.

Dr Mahathir memperlihatkan contoh politik yang memualkan dengan tingkah laku yang buruk sebagai pengajaran kepada ahli politik yang baharu dan muda. Tindakan beliau mengundang benci ahli parti. Hilang rasa hormat dan sayang kepada Dr Mahathir. Daripada komen rakan politik yang saya temui, penghormatan setinggi Gunung Kinabalu yang mereka berikan hancur berkecai sekelip mata.

Dr Mahathir harus ingat bahawa sokongan majoriti atau 'majoriti senyap' masih bersama dan menyokong Najib. Mereka yang memerhatikan tindak tanduk permainan beliau kini sudah hilang rasa hormat kepadanya. Patuhlah pada ulil amri. Usahlah rasa sayang dan hormat itu dilunturkan dengan gangguan yang tidak sepatutnya.

Perpaduan negara dan matlamat 2020 itu lebih penting. Bukankah Wawasan 2020 empat tahun sahaja lagi, bukannya ini juga impian murni Dr Mahathir? Najib sedang bertungkus-lumus berusaha untuk merealisasikan matlamat ini, oleh itu bersama-samalah menjayakan matlamat wawasan negara.